

Desa Palma beri pulangan berterusan

BH 8/10/03

BAGI mereka yang inginkan pelaburan dalam bidang hartanah yang menjanjikan jaminan pulangan berterusan, Desa Palma yang terletak berhampiran Kolej Inti, Bandar Baru Nilai, adalah lokasi seharusnya menjadi pilihan.

Ini kerana mereka yang membelinya boleh menjadikannya sebagai kediaman atau menyewakannya kepada pelajar atau kakitangan kolej berkenaan yang mempunyai kira-kira 700 kakitangan dan 6,200 pelajar, dengan kadar yang bersesuaian.

Apartmen kampus yang dibina pemajunya, Suez Domain Sdn Bhd, terletak di kawasan seluas 26 ekar bersempadan kolej berkenaan dan bertaraf pegangan bebas.

Apartmen lapan tingkat bagi setiap satu blok itu dibina berasaskan reka bentuk yang sesuai dan mampu memenuhi cita rasa setiap pembeli. Ia mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi dengan keluasan setiap satu unit ialah 728 kaki persegi.

Eksekutif Pemasaran Kanan syarikat itu, Daphne Lau, berkata antara ciri keistimewaan apartmen itu ialah saiz biliknya yang besar dan diserikan dengan kemasam seramik terkini yang mampu menjanjikan keselesaan kepada pembeli.



KAWASAN perumahan Desa Palma wajar menjadi lokasi pilihan pembeli.

Beliau berkata, harga ditawarkan kepada Bumiputera selepas pemotongan ialah mampu milik iaitu RM73,800 – pelaburan yang rendah tetapi tinggi pulangannya.

“Ketika ini unit Bumiputera yang belum terjual adalah terhadap mereka perlu rebut peluang memilikinya kerana ia menjanjikan

pelaburan yang mampu memberi kepuasan pada harga kompetitif,” katanya.

Desa Palma berhampiran Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) dan hanya beberapa minit saja ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya dan Cyberjaya menjadikan lokasinya begitu strategi.

Selain itu, di kawasan sekitar apartmen berkenaan turut menyediakan kemudahan gelanggang sukan seperti badminton, bola jaring, trek jogging dan kawasan riadah yang dijamin tahap keselamatan kerana mempunyai perkhidmatan kawalan keselamatan 24 jam setiap hari.

Desa Palma memenuhi cita rasa pembeli kerana dilengkapi dengan ciri yang anda inginkan sejajar gaya hidup moden masa kini.

Mereka yang ingin mendapatkan keterangan lanjut boleh menghubungi syarikat berkenaan melalui talian 06-8501475 atau faks 06-8501451.

min: RM 78,500
max: RM 95,900

Excellent Location
= adjoining INTI COLLEGE

APARTMEN lapan tingkat dibina berasaskan reka bentuk yang sesuai dan mampu memenuhi cita rasa setiap pembeli.